

Headline	93 peratus masih tidak miliki rumah sendiri
MediaTitle	Harian Metro
Date	28 Mar 2017
Section	Bisnes
Page No	47
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily



93% masih tidak miliki rumah sendiri

Kuala Lumpur: Sebanyak 93 peratus rakyat Malaysia yang masih tidak memiliki rumah sendiri dijangka mampu berbuat demikian dalam tempoh lima tahun akan datang.

Menurut hasil kajian 'Beyond the Brick' oleh HSBC Holdings plc, London, peningkatan penawaran kediaman mampu milik dan infrastruktur pengangkutan oleh pemaaju hartanah akan membantu menstabilkan harga hartanah sepanjang tempoh berkenaan.

Hasil dapatan itu berdasarkan kajian terhadap 9,000 pemilik kediaman dan pemilik bukan kediaman di Australia, Kanada, China, Perancis, Malaysia, Mexico, Emiriah Arab Bersatu, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Responden memberi maklum balas mengenai prospek pemilikan rumah, perubahan fungsi kediaman dan kesukaran tidak diduga dalam melakukan bajet masing-masing.

Ketua Perbankan Runcit dan Pengurusan Kekayaan HSBC Malaysia Lim Eng Seong berkata, Malaysia menyaksikan peningkatan harga hartanah yang mendadak ketika dekad lalu, bagaimanapun pada tahun lalu, harga berkenaan agak mendatar.

"Rumah dalam sektor hartanah peringkat pertengahan berharga di bawah RM500,000 mempunyai permintaan tinggi dalam kalangan golongan muda yang mahu membeli ru-

mah pertama mereka," katanya mengumumkannya hasil kajian itu.

Bagaimanapun, golongan muda mendapati mereka tidak mampu untuk membeli rumah disebabkan peningkatan harga hartanah dan kenaikan gaji yang lebih perlahan.

Kajian itu turut menunjukkan 75 peratus golongan muda yang berhasrat membeli rumah tidak mempunyai simpanan mencukupi untuk bayaran pendahuluan dan 43 peratus pula menanggukkan hasrat itu kerana tidak mampu membeli rumah pilihan mereka.

Mengenai kekurangan tunai untuk membeli rumah, 62 peratus golongan muda sedia mempertimbangkan bagi mengurangkan perbelanjaan untuk aktiviti masa lapang, 41 peratus sedia membeli kediaman lebih kecil dan 23 peratus pula mempertimbangkan untuk membeli hartanah bersama anggota keluarga.

Kajian HSBC mengenal pasti empat langkah yang diambil golongan muda untuk merealisasikan pemilikan rumah.

Lim berkata, langkah itu ialah melaksanakan perancangan lebih awal dan tidak memandang ringan bayaran pendahuluan, bajet perlu melebihi harga belian, mempertimbangkan semula perbelanjaan harian, di samping meridapatkan maklumat sepenuhnya kewangan masing-masing. - BERNAMA